

ANALISIS SIRAH RASULULLAH S.A.W.

BERSAMA PARA ISTERINYA (Bahagian 2)

Keindahan Hidup Berkeluarga



Pada siri yang lalu I-PoDS telah membicarakan berkenaan pendekatan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. ketika bersama dengan para isterinya. Pendekatan tersebut adalah "berbincang bagi mencari solusi atau penyelesaian".

I-PoDS pada siri kali ini pula akan menyambung analisis yang telah dilakukan terhadap kehidupan Rasulullah s.a.w. bersama isterinya. Antara pendekatan lain yang telah diambil oleh Rasulullah s.a.w. adalah:

Menangani Sikap Isteri dengan Bijak

Tidak semua isteri memahami suaminya dengan baik dan begitulah sebaliknya. Kadangkala si suami bosan dan pening melayan sikap isterinya yang terlalu cemburu sehingga menimbulkan syak wasangka kepadanya. Cemburu juga kadangkala menyebabkan suami isteri bergaduh dan kadangkala menyebabkan perceraian.

Bagaimana menangani sikap isteri yang terlalu cemburu?

Rasulullah s.a.w. menunjukkan contoh yang terbaik untuk diikuti oleh para suami. Baginda s.a.w. tidak pernah memarahi cemburu para isterinya. Ini adalah kerana Baginda s.a.w. memahami bahawa cemburu bukanlah satu sifat yang keji dan cemburu juga bukan sejenis penyakit, sebaliknya adalah sifat normal

yang ada pada wanita. Isteri-isteri Rasulullah s.a.w. juga berasa cemburu apabila melihat Baginda bersama dengan isteri yang lain.

Kes 1: Kisah Cemburu Si Pipi Merah (Aisyah r.ha.) (Riwayat al-Nasa'i no. 2010)

Pada suatu malam yang melibatkan giliran Rasulullah s.a.w. bermalam bersama dengan Aisyah, Baginda berbaring lalu meletakkan dua sepatunya dan menghamparkan kain selendang di atas katilnya.

Tidak berapa lama kemudian, dalam keadaan yakin Aisyah sudah tidur, Baginda memakai sepatunya semula, mengambil kain selendang, membuka pintu dan keluar perlahan-lahan.

Ketika itu Aisyah menyedari Rasulullah telah keluar dari rumah dan mengekori dari belakang bagi mengetahui apakah yang ingin dilakukan Baginda dan ke manakah Rasulullah akan pergi sehinggalah Baginda s.a.w. tiba di Perkuburan al-Baqi' lalu mengangkat tangan sebanyak tiga kali. Baginda berdiri agak lama di situ lalu beredar. Aisyah juga turut beredar dari situ sambil mengekori Baginda hinggalah sampai ke rumah.

Aisyah ketika mengekori Rasulullah s.a.w. berjaya memintanya lalu terus masuk ke dalam rumah dan berbaring di atas katil dalam keadaan menggigil ketakutan.

Rasulullah s.a.w.: "Kenapa kamu menggigil ketakutan wahai Aisyah?"

Aisyah: "Tidak."

Rasulullah s.a.w.: "Beritahulah kepadaku cerita sebenar atau Tuhan yang Maha Lembut lagi Maha Mengetahui akan memberitahu semuanya kepadaku."

Perkara yang Boleh Kita Pelajari daripada Sirah Rasulullah s.a.w.

1. Hadapi sifat cemburu isteri dengan **tenang**.
2. **Tidak mengancam** isteri yang cemburu dengan **perceraian**.
3. Tidak "menyerang" isteri yang cemburu dengan **kata-kata yang kesat**.
4. **Elakkan** dari menyebut perkara yang boleh **menyemarakkan** lagi cemburu isteri.
5. **Tidak berdiam diri**, sebaliknya sambil membelai atau mengusap rambut isteri minta dia luahkan segalanya dan terangkan perkara sebenar yang berlaku.

Aisyah: "Wahai Rasulullah, demi bapakmu, tuan dan ibuku..." lalu Aisyah menceritakan kisah yang berlaku.

Rasulullah: "Kalau begitu, bayangan hitam yang kulihat tadi kamu rupanya."

Aisyah: "Ya."

Rasulullah: "Adakah kamu berasa bahawa Allah dan Rasul-Nya menzalimi kamu?"

Aisyah: "Walaupun orang ramai menyembunyikannya, Allah tetap mengetahuinya."

Rasulullah: "Sebenarnya tadi Jibrail datang menemui kamu. Dia tidak berani masuk menemui kamu apabila kamu membuka pakaian, sebaliknya dia hanya memanggil dari luar rumah sahaja. Aku menyembunyikan perkara itu daripada kamu dan menyahut panggilannya. Jibrail menyuruhku ke kawasan Perkuburan al-Baqi' dan memohon keampunan untuk para penghuninya."

Kes 2: Kisah cemburu isteri nabi s.a.w. (Riwayat al-Bukhari no. 4824)

Nabi s.a.w. pernah suatu ketika berada di rumah Aisyah r.ha. Waktu itu, Safiyyah menghantar satu bekas berisi makanan

kepada nabi s.a.w. Melihat itu, Aisyah menepis tangan khadam yang membawa makanan tersebut sehingga menyebabkan bekas tersebut jatuh ke lantai dan pecah.

Nabi s.a.w kemudiannya bangun lalu mengumpulkan serpihan-serpihan bekas yang pecah itu dan memungut makanan yang jatuh berselerakan itu, seraya bersabda kepada khadam tersebut: "Ibu anda cemburu."

Khadam tersebut berdiam diri sehingga diberikan kepadanya bekas yang baru oleh Aisyah. Bekas yang elok itu dibawa ke rumah Safiyyah dan disimpan bekas yang pecah itu di rumah Aisyah r.ha.

Dua kisah cemburu di atas menunjukkan fitrah wanita yang mempunyai sifat cemburu meskipun mereka ialah isteri-isteri Rasulullah s.a.w. Namun, Rasulullah s.a.w. tidak marah atau memperbesarkan isu tersebut, sebaliknya menghadapinya dengan tenang.

Oleh sebab itu, apabila melihat isteri kita dalam keadaan cemburu jangan mudah melatah atau terus memarahinya. Cemburu itu tidak ada salahnya tetapi perlu dikawal agar tidak melampaui batas sehingga boleh membawa kesan negatif terhadap keharmonian rumah tangga.

Bagaimana Rasulullah s.a.w Membimbing Para Isterinya?

Bimbingan bukanlah hanya perlu difokuskan kepada anak-anak sahaja, bahkan suami juga perlu memikirkan bagaimana cara yang perlu diambil bagi membimbing dan mendidik isterinya. Bimbingan dan didikan yang diberikan kepada anak adalah tidak sama dengan bimbingan dan didikan yang diberikan kepada isteri. Bimbingan kepada seorang isteri lebih memerlukan kesabaran dan pendekatan psikologi yang sesuai.

Rasulullah s.a.w. membimbing para isterinya dengan penuh ketenangan dan hikmah. Baginda s.a.w. mengambil pendekatan yang lemah lembut dalam menghadapi kesalahan isteri-isteri. Baginda terlebih dahulu memahami punca kesalahan sebelum sesuatu hukuman itu diambil.

Ada beberapa hadis yang menceritakan pendekatan Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi isterinya yang melakukan kesalahan.

Daripada Aisyah r.ha. katanya: "Saya pernah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: 'Apakah yang kamu harapkan daripada



Mohd Azrul Azlen Abd Hamid

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di UIAM dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM.

Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com.

Petua Hadapi Krisis Rumah Tangga

Antara pendekatan yang boleh diambil oleh seorang suami dalam menghadapi masalah rumah tangga adalah:

■ **Jika berlaku pergeseran dengan isteri, jangan mudah marah.** Tenangkan emosi anda. Fikirkankembali secara rasional apa yang telah berlaku dan cuba rancang jalan penyelesaian yang terbaik.

■ **Jangan biarkan krisis rumah tangga terus berlarutan** sehingga menggugat kebahagiaan anda. Fikir secara rasional dan ambil tindakan yang betul.

■ **Jangan cuba menyelesaikan masalah dengan kekerasan,** tetapi hadapinya dengan perasaan yang tenang, harmoni dan penuh kesabaran.

■ **Bersangka baik** dengan isteri bagi menenangkan pergolakan. Jangan bersangka buruk terhadap isteri sekiranya isteri melakukan kesilapan. Sangkaan buruk akan menyebabkan keadaan semakin kucar-kacir.

■ **Sekiranya isteri anda benar-benar bersalah,** cuba teliti dan fahami punca kesalahan tersebut dan nasihatinya dengan penuh kasih sayang.

Safiyyah? Bukankah dia begitu dan begini (isyarat kepada fizikal Safiyyah yang pendek). Rasulullah s.a.w. bersabda (yang bermaksud): "Tahukah kamu wahai Aisyah, kata-kata kamu tadi sekiranya dicampurkan dengan air laut, sudah tentu akan mengeruhkannya." (Riwayat Abu Daud no. 4232)

Hadis ini menjelaskan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi kesalahan dan kesilapan yang dilakukan oleh para isterinya.

Berhias Diri untuk Isteri

Suami selalu mengharapkan isterinya agar sentiasa menghias diri untuknya ketika berada di rumah. Tetapi tahukah anda bahawa isteri juga suka melihat suaminya berpakaian kemas dan mempunyai penampilan yang menarik baik di dalam rumah seperti mana di luar?

Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa kemas dan menjaga kebersihan. Rasulullah s.a.w. sebagai contoh ikutan terbaik sentiasa menunjukkan perwatakan dan penampilan yang kemas serta berhias untuk para isterinya.

Suatu ketika dahulu terdapat seorang wanita dan seorang lelaki yang memakai pakaian yang kotor datang bertemu dengan Amirul Mukminin Sayidina Umar r.a. Setelah menghadap Sayidina Umar, wanita tersebut berkata: "Wahai Amirul Mukminin, saya tidak sanggup lagi hidup bersama dengan lelaki ini."

Sayidina Umar kemudiannya menyuruh lelaki itu mandi, kemudian menghiaskan diri termasuk memotong kuku dan rambut. Setelah siap menghiaskan diri, Sayidina Umar memanggil lelaki itu supaya bertemu dengan isterinya. Pada mulanya isterinya

tidak mengenali suaminya, tetapi selepas itu barulah dia menyedari lelaki yang berada di hadapannya itu ialah suaminya. Wanita itu kemudiannya tidak meneruskan hasratnya untuk bercerai dengan suaminya itu.

Kisah di atas memberikan gambaran kepada kita tentang kepentingan berhias untuk isteri dalam membina keharmonian dan kebahagiaan sesebuah keluarga.

Cara Suami Berhias untuk Isteri

- Sentiasa memakai minyak wangi dan pakaian yang bersih.
- Menjaga kebersihan diri seperti menyikat rambut dengan kemas, membersihkan pakaian dan tubuh badan, memotong kuku, menggosok gigi dan lain-lain lagi.
- Menghias diri terutamanya ketika ingin bersama dengan isteri agar suasana lebih menarik dan romantik.

Suami juga perlu berhias untuk isteri agar:

- Mengeratkan kasih sayang dan mengelakkan isteri menjadi jemu dan bosan ketika bersama suami.
- Menguatkan rasa cinta dan romantik.
- Menjauhkan kebencian antara satu sama lain.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Rasulullah s.a.w. merupakan suami yang mementingkan pendekatan psikologi semasa berinteraksi dengan para isterinya. Pendekatan yang diambil dilihat telah berjaya mengeratkan hubungan dengan para isterinya sehingga melenyapkan konflik yang berlaku antara mereka. Justeru, sebagai seorang Muslim kita perlu mengamalkan pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. bagi membina sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia. **S**